

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 27 MAC 2014 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	5 Komponen utama Bioekonomi Malaysia	Harian Metro
2	Parliament: MOSTI to Commercialise 360 R&D products by 2020	Bernamea.com
3	Objek 1 hingga 23 meter	Berita Harian
4	Satelit kesan 122 objek berpotensi	Sinar Harian
5	Kesan 122 Objek	Harian Metro
6	Satellite imagery shows 122 'Potential objects'	The Star
7	Pencarian tak berpenghujung	Harian Metro
8	Petunjuk terbaharu dari MRSA	Utusan Malaysia
9	France spots 122 potential objects	The Malay Mail
10	122 objek baharu di Lautan Hindi	Kosmo
11	MH 370 Tragedy: New satellite images detect 122 potential objects	Bernamea.com
12	Countries praise cooperation, professionalism shown in international search efforts	Bernamea.com
13	Cuaca tidak sesuai operasi pembenihan awan	Utusan Malaysia
14	Kakitangan awam diminta tingkat prestasi	Berita Harian
15	Selangor teruskan pelan catuan air	Kosmo
16	Pelan catuan diteruskan	Sinar Harian
17	Cyberbullying up by 55.6 per cent in a year	The Malay Mail
18	Shedding some light on pollution	The Star

KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 32  
TARIKH: 27 MAC 2014 (KHAMIS)

**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** menggariskan lima komponen utama dalam inisiatif Bioekonomi Malaysia untuk mendorong perusahaan bioteknologi negara.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (BN-Tangga Batu) (*gambar*) berkata, program Accelerator Bioekonomi bertujuan memberi kesan berganda terhadap



## 5 komponen utama Bioekonomi Malaysia

ekonomi negara dan impak positif kepada pendapatan dan kebajikan rakyat.

"Program Transformasi Bioekonomi (BTP) menjadi platform menggalakkan sektor swasta memaksimumkan peluang komersial dalam industri berasaskan bio," katanya menjawab pertanyaan lisan Datuk Kamarul Baharin

Abbas (PKR-Telok Kemang) di Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, Pakej Insentif pula disediakan kerajaan bagi menarik minat pelabur menceburi bidang itu manakala Dana Pembiayaan berbentuk hibrid pinjaman mudah dan geran tertakluk had maksimum RM3 juta.

"Pembangunan Ekosistem

bioteknologi membabitkan pembangunan dalam infrastruktur, makmal dan pembangunan modal insan," katanya.

Katanya, fokus Biotechnology Corporation (BiotechCorp) dalam bidang perubatan alternatif berkait pembangunan produk nutraseutikal dan perubatan

botanikal.

"Setakat ini lapan syarikat dipilih sebagai peneraju di bawah Projek Penggerak Ekonomi 1 (EPP1) yang bertujuan meningkatkan kualiti, imej dan usaha pemasaran produk tambahan makanan dan ekstrak herba tempatan untuk menembusi pasaran global," katanya.





### **Parliament: Mosti To Commercialise 360 R&D Products By 2020**

KUALA LUMPUR, March 26 (Bernama) -- **The Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti)** is targeting to commercialise 360 research and development (R&D) products by 2020, the Dewan Rakyat was told Wednesday.

Its **Deputy Minister, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** said Mosti planned to commercialise at least 60 R&D products by local companies this year alone.

"These include electrical appliances, food and medicines. The products will be made available in supermarkets, pharmacies and shops to support local companies in promoting their products," he said when answering a question from Datuk Kamarul Baharin Abbas (PKR-Telok Kemang).

Abu Bakar said Mosti had allocated RM750 million this year to help local companies and research institutions carry out R&D and commercialise their ideas.

He said the Mosti Commercialisation Year 2014 programme was being implemented to help local companies and institutions of higher learning market their R&D products.

-- BERNAMA

# Objek 1 hingga 23 meter

» MRSA  
analisis imej  
kemungkinan  
bahan pejal

**Kuala Lumpur:** Penemuan 122 objek yang dirakam oleh satelit di selatan Lautan Hindi yang diumumkan semalam, mencerahkan peluang untuk menemui pesawat MH370 yang hilang sejak 19 hari lalu.

Objek berukuran satu hingga 23 meter itu dirakam pada Ahad lalu oleh Airbus Defence and Space, yang berpangkalan di Perancis dan imejnya dihantar kepada Agensi Remote Sensing Malaysia (MRSA), kelmarin.

## Analisis imej objek

Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata MRSA menganalisis imej objek berwarna cerah yang menandakan ia bahan pejal dan berkemungkinan ada kaitan dengan pesawat MAS yang hilang.

Beliau berkata, ia dikesan di kawasan lautan berkeluasan 400 kilometer persegi, kira-kira 2,557 kilometer barat daya Perth, Australia.

"Keputusan analisis MRSA

diserahkan kepada Pusat Koordinasi Penyelamat Australia semalam (kelmarin), tetapi perlu saya tekankan bahawa belum dapat dipastikan semua objek itu berkaitan dengan pesawat MH370.

"Bagaimanapun, tidak dapat disangkal lagi ia memberi

petunjuk baru untuk kita," katanya dalam sidang media.

Beliau juga berkata, misi mencari dan menyelamatkan kini mempunyai petunjuk utama daripada empat satelit berbeza yang boleh ditakrifkan sebagai serpihan MH370. Satelit berkenaan ialah Australia,

China dan Perancis.

"Operasi diteruskan, apatah lagi banyak petunjuk baru diterima kebelakangan ini dan jika semua objek dikesan sahah berasal dari MH370, operasi akan diteruskan ke fasa seterusnya iaitu pencarian di laut dalam," katanya.



MALAYSIAN REMOTE SENSING AGENCY (MRSA)  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION (MOSTI)  
No. 13, Jalan Tan Jermal,  
50488 Kuala Lumpur, MALAYSIA




**Lokasi penemuan objek** kira-kira 2,557 kilometer barat daya Perth, Australia yang dianalisis MRSA. [FOTO REUTERS]



**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (TRAGEDI MH370) : MUKA SURAT 02**  
**TARIKH: 27 MAC 2014 (KHAMIS)**

## Satelit kesan 122 objek berpotensi



**KUALA LUMPUR** - Data satelit yang dirakamkan Airbus Defence and Space, 23 Mac lalu menunjukkan 122 objek berpotensi yang dikaitkan dengan pesawat MH370 telah dikesan di Lautan Hindi.

Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, objek berkenaan dikesan pada kedudukan kira-kira 2,557 kilometer dari Perth, tidak jauh daripada kawasan pencarian pesawat MAS MH370 yang tertumpu di selatan Lautan Hindi.

Katanya, imej berkenaan telah diberikan kepada Malaysia Remote Sensing Agency (MRSA) dan kemudiannya kepada pasukan pencarian di Australia.

Bagaimanapun, beliau berkata, masih belum dapat disahkan sama ada ia boleh dikaitkan dengan pesawat MAS MH370.

"MRSA menganalisis imej tersebut di kawasan lautan seluas 400 kilometer persegi. Ia

berjaya mengenalpasti 122 objek berpotensi.

"Ada objek tersebut sepanjang satu meter dan ada yang sepanjang 23 meter. Beberapa objek juga kelihatan terang, mungkin menunjukkan ia sebagai bahan pepejal," katanya dalam sidang media, di sini, semalam.

Katanya, sehingga kini imej data yang dikeluarkan satelit Australia, China dan Perancis sebelum ini masih menjadi petunjuk paling kukuh dalam usaha mencari pesawat berkenaan.

"Bagaimanapun, petunjuk baru ini pastinya akan membantu operasi pencarian. Kita akan meneruskan pencarian bersandarkan satelit, data radar dan semua aset yang telah ditempatkan.

"Hanya setelah kita mengesahkan objek berkenaan mempunyai kaitan dengan MH370, barulah kita akan bergerak ke peringkat seterusnya iaitu pencarian di laut dalam," katanya.



KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 7  
TARIKH: 27 MAC 2014 (KHAMIS)



**Kesan**

**122 objek**

**Imej dirakam satelit Airbus  
Perancis diserahkan pada MRSA**



**Kuala Lumpur**

**I**mej satelit Agensi Pertahanan dan Angkasa Airbus yang berpangkalan di Perancis berjaya mengesan 122 objek yang dipercayai ada kaitan dengan pesawat pe-

nerbangan MH370 yang hilang di selatan Lautan Hindi.

Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Hussien berkata, objek yang diambil dari satelit Airbus milik Perancis itu sudah diberikan kepada Agensi Remote Sensing Malaysia (MRSA) untuk dianalisis sebelum diserahkan kepada Pusat Operasi Mencari dan Menyelamatkan Australia.

Katanya, sebahagian daripada objek yang dikesan satelit itu berukuran antara sa-

tu hingga 23 meter panjang dan kelihatan bersinar di dalam kawasan seluas kira-kira 400 kilometer persegi.

"Serpihan ini ditemui kira-kira 2,557 kilometer dari Perth. Kita akan meneliti maklumat yang diberikan ini sebelum diserahkan kepada pihak Australia untuk membantu perjalanan operasi di kawasan berkenaan.

"Semua penemuan ini perlu diteliti sama ada berkaitan dengan pesawat MH370 dan ini membawa ki-

ta beralih ke fasa baru dalam operasi pencarian," katanya di PWTC, di sini, semalam.

"Menurutnya, penemuan terbaru ini adalah petunjuk keempat yang berjaya diperoleh selepas imej satelit dari Australia dan China sebelum ini.

Sehubungan itu, kawasan pencarian kini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sektor barat dan timur yang merangkumi enam kawasan setiap sektor.

"Bagi kawasan timur, dua pesawat P3 Orion dan se-

buah pesawat Ilyushin IL-76 dikerah untuk mengesan dan mencari pesawat ini.

"Sektor barat pula akan dikuatkan dengan sembilan P3 Orion, sebuah pesawat awam dan sebuah pesawat P8 Poseidon serta dua kapal laut," katanya.

Menurutnya, Jepun turut menghantar aset tambahan iaitu pesawat Gulfstream V yang diubahsuai untuk membantu dua pesawat P3C Orions dalam misi pencarian ini.



## Satellite imagery shows 122 'potential objects'

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Remote Sensing Agency (MRSA) has identified 122 "potential objects" that could be linked to the missing Malaysia Airlines Flight MH370 in an area of the southern Indian Ocean, about 2,557km from Perth.

The MRSA had analysed satellite images provided by France's Airbus Defence and Space.

Acting Transport Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein said the new development supported "the most credible lead" for focusing the search in the southern Indian Ocean, alluding to the analysis of British investigators that pointed to the area.

The objects were in an area of about 400sq km, he told the daily press conference at the Putra World Trade Centre here yesterday.

"Some objects are a metre in length, others as much as 23m long. Some of the objects appeared to be bright, indicating they are possibly solid," he said.

Hishammuddin, who is also Defence Minister, added that the MRSA findings were immediately forwarded to the Australian Rescue Co-ordination Centre in Perth.

"It must be emphasised that we cannot tell whether the potential objects are from MH370.

"Nevertheless, this is another new lead that will help direct the search operation," he said.

Hishammuddin said the search operation now had four separate satellite leads, from

Australia, China and France, showing possible debris.

What had to be done now was to determine whether it was really debris and linked to MH370, he added.

Hishammuddin said Australia was leading the search effort in the southern Indian Ocean while Malaysia continued its coordinating role.

"Australia has divided the search area into two sectors: East and West.

"With the improved weather, 12 planes were deployed to the search area – six in the East sector and six in the West," he said.

In the East sector, the search would be conducted by one Australian P3 Orion, and three Australian civilian aircraft, one Chinese Ilyushin IL-76 and one New Zealand P3 Orion.

Involved in the West sector were a US P8 Poseidon, two Australian P3 Orions and one each from South Korea and Japan as well as a civilian aircraft.

Hishammuddin also said an international working group was helping refine Inmarsat data to further narrow the search area.

The working group – consisting of Inmarsat, the UK Air Accidents Investigation Branch, Civil Aviation Administration of China, the US National Transportation Safety Board and Federal Aviation Administration, Boeing and Rolls Royce as well as the relevant Malaysian authorities – will attempt to determine more accurately the final position of MH370.



**KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 8  
TARIKH: 27 MAC 2014 (KHAMIS)**

# PENCARIAN TAK BERPENGHUJUNG

Selepas ditangguhkan kelmarin akibat cuaca buruk, misi merungkai misteri pesawat MAS MH370 yang kini memasuki fasa siasatan dan penemuan diteruskan semalam dengan tumpuan pencarian meliputi kawasan seluas 80,000 kilometer (km) persegi di selatan Lautan Hindi, kira-kira 2,500 km dari barat daya Perth, Australia.

Ia sekali gus menyaksikan kawasan pencarian dikecilkan berbanding kawasan seluas 600,000 km persegi sebelum ini.

Kawasan pencarian dibahagikan kepada timur dan barat di lautan berkenaan memabatkan penyertaan 12 pesawat tentera dan awam dari Australia, New Zealand, Amerika Syarikat (AS), Jepun, China dan Korea Selatan.

Di bahagian timur, operasi memabatkan sebuah pesawat P3 Orion dan tiga pesawat awam Australia, sebuah pesawat Ilyushin IL-76 China serta sebuah pesawat P3 Orion New Zealand, manakala di barat pula, sebuah pesawat P8 Poseidon AS, sebuah pesawat P3 Orion Korea Selatan, sebuah pesawat P3 Orion Jepun, dua pesawat P3 Orion serta sebuah pesawat awam Australia.

Selain itu, kapal HMAS Success milik Tentera Laut Diraja Australia dan kapal pemecah ais Xue Long serta tiga kapal dagang milik China turut terbabit dalam operasi itu.

HMAS Success ditugaskan di bahagian barat carian manakala Xue Long di sebelah timur.

Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Hussein pada sidang media semalam berkata, sebanyak 122 objek yang berpotensi mempunyai kaitan dengan pesawat MAS MH370 dikesan satelit kira-kira 2,557 kilometer dari Perth.

Katanya, Agensi Remote Sensing Malaysia (MRSA) menerima imej baru satelit yang diambil pada Ahad lalu daripada Airbus Defence and Space berpangkalan di Perancis, kelmarin.


"MRSA menganalisis imej dalam satu kawasan lautan yang berukuran 400 km persegi dan mengenal pasti 122 objek berpotensi.

"Sesetengah objek adalah sepanjang satu meter, yang lain ada sepanjang 23 meter. Ada di antara objek itu kelihatan terang, kemungkinan menunjukkan bahan yang padu," katanya.


Sebelum ini satelit Australia, China dan Perancis mengesan objek dipercayai ada kaitan dengan pesawat MAS MH370 antaranya dua objek berukuran 24 dan lima meter, manakala pihak berkuasa Australia mengeluarkan kenyataan sebuah daripada pesawat yang digunakan dalam operasi mencari dan menyelamatkan mengesan palet kayu kargo bersama tali pinggang atau tali di kawasan pedalaman Lautan Hindi.

Bagaimanapun, objek yang dikesan itu 'ghali' dan gagal dikesan sehingga kini.

Sehingga jam 6 petang semalam, jurucakap Pihak Berkuasa Keselamatan Maritim Australia (AMSA) melaporkan sebuah pesawat P3 Orion milik Jepun kembali ke Pangkalan Tentera Udara Diraja Australia di Perth tanpa sebarang penemuan.



## PENEMUAN TERBARU



### ASET YANG DIGERAKKAN KE LOKASI CARIAN

#### AUSTRALIA

- 3 pesawat P3 Orion
- 1 kapal HMAS Success
- 4 pesawat awam

#### CHINA

- 1 pesawat Ilyushin IL-76
- 1 kapal pemecah ais Xuelong
- 3 kapal dagang

#### NEW ZEALAND

- 1 pesawat P3 Orion
- #### AMERIKA SYARIKAT
- 1 Pesawat P8 Poseidon

#### JEPUN

- 1 pesawat P3 Orion

#### KOREA SELATAN

- 1 pesawat P3 Orion

### BANTUAN SOKONGAN

Jepun menghantar satu pesawat Gulfstream V milik pasukan Pengawal Pantai Jepun berserta 10 pengawal pantai. Ini pasukan kedua dikerahkan negara terbabit.



KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
UTUSAN MALAYSIA (MH 370) : MUKA SURAT 18  
TARIKH: 27 MAC 2014 (KHAMIS)

Temui 122 objek diyakini serpihan MH370 di selatan Lautan Hindi

# Petunjuk terbaharu dari MRSA

**KUALA LUMPUR** 26 Mac - Gambar satelit Airbus Defence and Space bertarikh 23 Mac lalu yang diteliti Agensi Remote Sensing Malaysia (MRSA) menemui 122 objek berpotensi serpihan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 di selatan Lautan Hindi.

Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, objek-objek yang bertebaran di kawasan seluas 400 kilometer persegi itu terletak 2,557 kilometer dari Perth, Australia.

Jelas beliau, objek-objek yang dikesan itu bersinar, berbentuk keras dan objek paling panjang berukuran 23 meter.

Katanya, imej satelit dari syarikat berpangkalan di Perancis itu diterima MRSA semalam.

"Kita menyalurkan maklumat satelit ini kepada pusat koordinasi operasi di Perth, Australia semalam dan ini merupakan petunjuk terbaharu.

"Dengan ini, kita sudah mempunyai empat petunjuk imej satelit termasuk daripada Australia, China dan Perancis untuk mengesan serpihan pesawat.

"Perlu ditekankan bahawa kami tidak boleh memaklumkan sama ada objek yang berpotensi itu adalah dari MH370. Bagaimanapun, ini merupakan satu lagi petunjuk yang dapat membantu memberi arah kepada operasi mencari," katanya dalam si-



**HISHAMMUDDIN** Tun Hussein (tengah) ketika mengadakan sidang akhbar mengenai perkembangan terkini operasi mencari pesawat MAS MH370 di PWTC, Kuala Lumpur, semalam. Turut sama Azharuddin Abdul Rahman (kanan), dan Ketua Pegawai Eksekutif Malindo Air, Chandran Ramamurthy.

dang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Turut menyertai sidang akhbar itu adalah Ketua Pengarah Jabatan

Penerbangan Awam, Datuk Azharuddin Abdul Rahman.

Menurut Hishammuddin, Australia kekal mengetuai operasi pen-

carian di selatan Lautan Hindi dan Malaysia berperanan sebagai koordinator operasi.

Jelas beliau, operasi mencari di

kawasan itu dipecahkan kepada dua sektor iaitu timur dan barat dengan melibatkan penyertaan pelbagai aset udara dan marin.

"Pencarian melalui udara di sektor timur akan melibatkan satu pesawat P3 Orion Australia, tiga pesawat sivil Australia, satu pesawat Ilyushin IL-76 China dan satu pesawat P3 Orion Australia.

Pencarian di sektor barat pula melibatkan satu pesawat Amerika Syarikat (AS) P8 Poseidon, satu pesawat Korea Selatan P3 Orion, satu pesawat Jepun P3 Orion, dua pesawat Australia P3 Orion dan satu pesawat sivil Australia," katanya.

Menurutnya, kapal Australia HMAS Success telah dihantar ke sektor barat manakala kapal China, Xue Long dihantar ke sektor Timur.

Dalam pada itu, Hishammuddin memaklumkan sebuah kumpulan kerja antarabangsa telah ditubuhkan untuk mengkaji lebih lanjut data daripada satelit Inmarsat dan menentukan lokasi terakhir pesawat MH370.

Katanya, kumpulan kerja itu terdiri daripada Inmarsat, Cawangan Siasatan Kemalangan Udara United Kingdom (AAIB), Jabatan Penerbangan Awam China (CAAC), agensi AAIID dari China, National Transport Safety Board (NTSB) AS, Federal Aviation Administration (FAA) AS, Boeing, Rolls Royce dan agensi-agensi Malaysia berkaitan.



## France spots 122 potential objects

By **Ida Nadirah**  
ida@mmail.com.my

**PETALING JAYA** — The following are among the highlights of events on the 19th day of the search for MH370:

**12.30pm:** West Australian Premier Colin Barnett says several hundred family members of the passengers and crew of MH370 are expected to travel to Perth in the coming weeks. The majority of the passengers are from China. The Chinese government and WA's Department of Premier and Cabinet are involved in the process to receive the families. A memorial service will be held if the relatives wish for it.

Twelve aircraft are involved

in the search. The Australian Maritime Safety Authority (AMSA) say seven of the aircraft are military planes and the other five civil aircraft. The military aircraft are an Ilyushin IL-76 from China, a Royal New Zealand Air Force (RNZAF) P3 Orion aircraft, two Royal Australian Air Force (RAAF) P3 Orion, a US Navy P8 Poseidon, a Japanese P3 Orion and a Republic of Korea P3 Orion. AMSA also says 34 State Emergency Service (SES) volunteers from Western Australia will be air observers on board the five civil aircraft.

**1.00pm:** A Japan Coast Guard aircraft carrying a 10-member Japan Disaster Relief (JDR) team takes off from the Sultan Abdul Aziz Shah Airport in Subang to join in the search. The Japan

Coast Guard Gulfstream V aircraft, carrying the second batch of JDR team members departs at about 10am and is expected to land at the Pearce Airbase in Perth, Australia, at about 4pm (Malaysian time). The aircraft is customised for the SAR operations and carries the first batch of 12 members of the JDR team.

**1.30pm:** The Sultan of Pahang, Sultan Ahmad Shah, orders the Pahang and Malaysian flags to be flown at half-mast in the state for three days as a mark of respect. The order is directed at all government departments and agencies and private sector firms.

**3.30pm:** Indonesian Foreign Minister Marty Natalegawa says Indonesia will send a special envoy

to Malaysia to hold an intensive dialogue with the Malaysian authorities on the investigation. He says they need to get clear and complete information from Malaysia.

**4.50pm:** China's Deputy Foreign Minister Zhang Yesui pays a courtesy call to acting Transport Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein at the Putra World Trade Centre (PWTC). Zhang, who is a special envoy of the Chinese government, arrives at about 2pm and attends a four-eyed meeting with Hishammuddin. Chinese ambassador to Malaysia Dr Huang Huikang and several Chinese officials accompany Zhang.

**5.30pm:** Datuk Seri Hishammuddin Hussein says "our determina-

tion to find MH370 remains steadfast. We will never give up trying to find the plane".

He says **Malaysian Remote Sensing Agency** has received satellite images from France identifying 122 potential objects spotted through cloud cover in the southern Indian Ocean. Some of the objects are 1m in length, others as long as 23m. Some are bright, possibly indicating solid material. The objects are located 2,557km from Perth, not far from the objects spotted by Australia and China.

A working group is trying to refine the Inmarsat data used in the investigation and to pinpoint the final location of MH370.

The Australian Maritime Safety Authority (AMSA) says three objects have been spotted in the Indian Ocean.



MRSA sedang mengenal pasti imej dipercayai serpihan MH370

# 122 objek baharu di Lautan Hindi

**KUALA LUMPUR** - Agensi Remote Sensing Malaysia (MRSA) kini sedang mengenal pasti imej 122 objek baharu yang dikesan di selatan Lautan Hindi oleh syarikat Airbus Defence & Space yang berpangkalan di Perancis yang dipercayai mempunyai kaitan dengan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370.

Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, imej-imej tersebut dicerap dalam lingkungan 400 kilometer persegi oleh satelit milik syarikat pertahanan itu pada 23 Mac lalu.

"MRSA kini dalam proses mengesan imej objek-objek yang berpotensi yang dicerap satelit tersebut pada jarak 2,557 kilometer dari Perth, Australia iaitu tidak jauh dari objek dikesan satelit Australia, China dan Perancis sebelum ini," kata beliau pada sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini semalam.

Menurut beliau, imej objek-objek tersebut didapati dalam lingkungan saiz antara satu hingga 23 meter



HISHAMMUDDIN menunjukkan imej satelit mengenai penemuan 122 objek di Lautan Hindi di Kuala Lumpur semalam.

dengan ada antara imej objek itu bersinar dan kemungkinan berstruktur keras.

"Semua penemuan objek itu disampaikan kepada Australia pagi ini (semalam) dan MRSA sedang mengenal pasti imej-imej itu," kata beliau.


Hishammuddin bagaimanapun memberitahu, setakat ini belum ada pengesahan bahawa imej objek-objek terbaharu tersebut mempunyai kaitan dengan MH370.

"Kita juga masih menung-

gu maklum balas pasukan mencari dan menyelamat (SAR) yang diketuai Australia dan sedang berada di lokasi pencarian untuk mengetahui perkembangan lanjut," jelasnya.

Menurut beliau, pengesanan objek-objek itu dengan MH370 juga penting untuk pasukan SAR mengecilkan lagi kawasan pencarian di Lautan Hindi yang kini dibahagikan kepada sektor Timur dan Barat.

"Semalam keadaan cuaca



LOKASI pengesanan 122 objek baharu oleh satelit Perancis di Lautan Hindi.



IMEJ satelit yang menunjukkan objek-objek bertaburan dipercayai serpihan pesawat MH370 di Lautan Hindi.

menghalang operasi SAR diteruskan, kita menunggu untuk mendapatkan perkembangan terkini kerana perlu mengambil kira faktor dihanyutkan ke tempat lain," kata beliau.

Sehubungan itu juga Hishammuddin berkata, sebuah kumpulan kerja antarabangsa akan ditubuhkan dengan gabungan agensi-agensi antarabangsa bagi memperhalusi data-data yang dicerap satelit Inmarsat yang akhirnya bertujuan membawa kepada kedudukan terakhir pesawat MH370.



SEORANG anggota Tentera Udara Diraja Australia memberikan isyarat kepada juruterbang pesawat AP-3C Orion di Pangkalan Udara Pearce, Perth semalam.



## MH370 Tragedy: New Satellite Images Detect 122 Potential Objects

KUALA LUMPUR, March 26 (Bernama) -- New satellite images have detected 122 potential objects that may be related to the missing Malaysia Airlines (MAS) Flight MH370 aircraft, approximately 2,557km from Perth, Australia.

Acting Transport Minister Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein said Wednesday, the **Malaysian Remote Sensing Agency (MRSA)** yesterday received new satellite images which were taken on March 23, from French-based Airbus Defence and Space.

"MRSA analysed the images and - in one area of the ocean measuring some 400 square kilometres - was able to identify 122 potential objects.

"Some objects were a metre in length; others were as much as 23 metres in length. Some of the objects appeared to be bright, possibly indicating solid materials," he told a daily media briefing on the latest development pertaining to the search for the missing aircraft.

He said MRSA's findings were immediately forwarded to the Australian Rescue Co-ordination Centre in Perth yesterday.

"It must be emphasised that we cannot tell whether the potential objects are from MH370. Nevertheless, this is another new lead that will help direct the search operation," said Hishammuddin.

He said the objects were also located not far from possible objects that might be related to the missing aircraft detected by French and Chinese satellites.

"We have now had four separate satellite leads, from Australia, China and France, showing possible debris. It is now imperative that we link the debris to MH370," he said.

He said all the satellite leads would enable the search team to further reduce the search area, and locate more debris from the aircraft.

Hishammuddin said Australia, which is leading the search effort in the southern Indian Ocean, had divided the search area into two sectors, East and West.

"Today, the weather has improved, and 12 planes will travel to the search area



six in the East sector and six in the West," he added.

He said in the East sector, searches would be conducted by an Australian P3 Orion, three Australian civilian aircraft, a Chinese Ilyushin IL-76 and a New Zealand P3 Orion.

In the West sector, searches would be conducted by a United States (US) P8 Poseidon, a Korean P3 Orion, Japanese P3 Orion, two Australian P3 Orions, and a civilian aircraft.

"Yesterday, (Australian) HMAS Success was redeployed to the south of the search area due to bad weather. Today, the ship has returned and will support the search operation in the West sector.

"Meanwhile, the Chinese ship Xue Long has today been deployed to the East sector," said Hishammuddin.

Hishammuddin said a Japanese Coast Guard Gulfstream aircraft left the Royal Malaysian Air Force base in Subang this morning for Perth, to join in the search operation.

On the search operations in the northern corridor, and in the northern part of the southern corridor, which have been called off, he said the foreign ministry had sent diplomatic notes to all relevant countries to formally inform them of the change.

"I would like to convey our appreciation to the Australian authorities, and in particular to (Australian) Prime Minister Tony Abbot, for making such an extraordinary contribution to the search operation.

"I would like to thank once again, our international partners for their continued support and assistance. The search for MH370, and the investigation into what happened on board the flight, is now a truly international effort," he said.

Flight MH370, carrying 227 passengers and 12 crew, left the KL International Airport at 12.41am on March 8 and disappeared from the radar about an hour later, while over the South China Sea. It was to have landed in Beijing at 6.30am on the same day.

-- BERNAMA



## Countries Praise Cooperation, Professionalism Shown In International Search Efforts

KUALA LUMPUR, March 26 (Bernama) -- The cooperation and professionalism shown in the international search effort for the missing Malaysia Airlines flight MH370, which is co-coordinated by Malaysia, earned praise from several countries.

Austrian Ambassador to Malaysia Christophe Ceska Wednesday commended Malaysia over its handling of operations in the search for the lost MH370, said Dewan Rakyat Speaker Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Ceska, who had paid a courtesy call on Pandikar Amin at his office at Parliament House, informed him that his country was satisfied with the measures adopted by the Malaysian government along with the other nations in the search for the aircraft.

"He (Ceska) expressed his country's sympathies, saying the incident was unprecedented in aviation history," said Pandikar Amin, adding that Ceska said it was normal for people to hurl criticism.

Australian Prime Minister Tony Abbott, who moved a condolence motion in his parliament today, had praised the international cooperation shown in the search effort for the missing aircraft. "We mourn all those 239 passengers and crew. We especially mourn the six Australian citizens and one Australian resident who must be presumed dead and we grief with their families and loved ones," he said.

Meanwhile, China had given assurance that it would continue with its commitment to help in the search for the lost Malaysia Airlines aircraft, believed to have gone down in the southern Indian Ocean.

The assurance was given by Zhang Ye Sui, the special envoy of the Chinese President, to Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak during a meeting at the Prime Minister's office at Parliament House here today.

The Chinese government would also work closely with Malaysia as it considers the country as one of its most important global partners.

In a daily media briefing on the latest development pertaining to the search for the missing aircraft, Acting Transport Minister Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein said new satellite images have detected 122 potential objects that may be related to MH370, approximately 2,557km from Perth, Australia.



Hishammuddin said **Malaysian Remote Sensing Agency (MRSA)** yesterday received new satellite images which were taken on March 23, from French-based Airbus Defence and Space.

"It must be emphasized that we cannot tell whether the potential objects are from MH370. Nevertheless, this is another new lead that will help direct the search operation," he said.

The Australian Maritime Safety Authority (AMSA) said in a statement that a total of 12 aircraft were involved in the search operation today, with seven of the aircraft, military planes and the other five civil aircraft.

"A total of six countries are now assisting in the search and recovery operation - Australia, New Zealand, the United States, Japan, China and the Republic of Korea," it said.

Malaysia Airlines Flight MH370, carrying 227 passengers and 12 crew, left the KL International Airport at 12.41am on March 8 and disappeared from radar screens about an hour later while over the South China Sea. It was to have landed in Beijing at 6.30am on the same day. A multinational search was mounted for the aircraft, first in the South China Sea and then, after it was learned that the plane had veered off course, along two corridors - the northern corridor stretching from the border of Kazakhstan and Turkmenistan to northern Thailand and the southern corridor, from Indonesia to the southern Indian Ocean.

Following an unprecedented type of analysis of satellite data, United Kingdom company Inmarsat and the UK Air Accidents Investigation Branch (AAIB) concluded that Flight MH370 flew along the southern corridor and that its last position was in the middle of the Indian Ocean, west of Perth, Australia.

Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak then announced on March 24, seventeen days after the disappearance of Flight MH370 that it "ended in the southern Indian Ocean".

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 29  
TARIKH: 27 MAC 2014 (KHAMIS)**

Cuaca tidak  
sesuai operasi  
pembenihan  
awan

KUALA LUMPUR 26 MAC - Jabatan Meteorologi masih menunggu keadaan cuaca dan awan yang sesuai sebelum menjalankan operasi pembenihan awan bagi menangani masalah paras air empangan di Selangor yang semakin kritikal.

Timbalan Ketua Pengarahnya, Alui Bahari berkata, keadaan di atas permukaan atmosfera ketika ini terlalu kering dan tidak sesuai untuk menjalankan operasi terbabit.

"Kita akan lihat keadaan cuaca dalam dua ke tiga hari ini dan apabila awan yang sesuai terbentuk, proses pembenihan awan akan dilakukan segera.

"Tumpuan khas diberi kepada kawasan tadahan air dan empangan yang bermasalah simpanan air kritikal bagi menyelesaikan masalah bekalan air terutama di Selangor," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Bagaimanapun, Alui berkata, secara amnya cuaca kering yang dialami di kebanyakan tempat di seluruh negara dijangka menjadi sedikit lembap menjelang April berikutan musim peralihan monsun.

"Pada bulan depan hujan akan turun secara semulajadi berikutan perubahan Monsun Timur Laut ke Monsun Barat Daya, jadi kami mengharapkan paras air empangan dapat dipulihkan melalui tempoh itu.

"Namun, jika hujan tidak turun di kawasan tadahan air, pihak jabatan akan tetap menjalankan operasi pembenihan awan bagi meningkatkan paras air di empangan," katanya.

Beliau berkata, cuaca lembap hanya akan diterima pada bulan April kerana selepas itu cuaca di kebanyakan tempat dijangka berada dalam keadaan biasa.



# Kakitangan awam diminta tingkat prestasi

**Kuala Lumpur:** Kakitangan sektor awam diseru mencapai peningkatan prestasi, selain mempunyai daya integriti tinggi supaya dilihat sebagai sebuah organisasi lebih cemerlang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata integriti

boleh menjamin keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan selari dengan usaha meningkatkan integriti dalam perkhidmatan awam.

"Dalam konteks Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), kita berdepan dengan realiti untuk menyam-

paikan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah kepada rakyat.

"Kerajaan kini giat membentuk perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dan berinovasi, kerana rakyat Malaysia semakin peka, berpendidikan tinggi dan mengharapkan yang terbaik kepada sistem perkhidmatan awam," katanya.

Beliau berkata demikian pada Seminar Integriti dan Majlis Menandatangani Ikrar MARDI bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini, semalam.

Teks ucapan Ismail Sabri dibacakan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Mohd

Hashim Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Sutinah Sutan; Pengerusi Lembaga Pengelola MARDI, Datuk Mohd Fadil Osman dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Sharif Haron.

MARDI muncul agensi kedua di bawah kementerian itu yang melafazkan ikrar integriti bersama SPRM, selepas Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

## Bangun sistem amaran awal

Sementara itu, Sharif berkata, MARDI sedang bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) bagi membangunkan satu sistem amaran awal untuk meningkatkan hasil pertanian dalam negara.

**“***Dalam konteks Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), kita berdepan dengan realiti untuk menyampaikan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah kepada rakyat”*

**Ismail Sabri Yaakob,**  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 12  
TARIKH: 27 MAC 2014 (KHAMIS)**

**Catuan air peringkat ketiga Isnin ini**

**TERBUKA** - Kerajaan Selangor akan memperluaskan lagi pelaksanaan catuan air peringkat ketiga yang bermula Isnin ini. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerajaan negeri akan memperluaskan pelaksanaan catuan air peringkat ketiga ke seluruh negeri. Beliau berkata, catuan air peringkat ketiga akan dilaksanakan di seluruh negeri bermula Isnin ini.

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor akan memperluaskan lagi pelaksanaan catuan air peringkat ketiga yang bermula Isnin ini. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerajaan negeri akan memperluaskan pelaksanaan catuan air peringkat ketiga ke seluruh negeri. Beliau berkata, catuan air peringkat ketiga akan dilaksanakan di seluruh negeri bermula Isnin ini.

Perluasan pelaksanaan catuan air peringkat ketiga ini bertujuan untuk mengurangkan tekanan bekalan air di seluruh negeri. Kerajaan Selangor akan memperluaskan pelaksanaan catuan air peringkat ketiga ke seluruh negeri bermula Isnin ini.

Perluasan pelaksanaan catuan air peringkat ketiga ini bertujuan untuk mengurangkan tekanan bekalan air di seluruh negeri. Kerajaan Selangor akan memperluaskan pelaksanaan catuan air peringkat ketiga ke seluruh negeri bermula Isnin ini.

**KERATAN Kosmo! 8 Mac 2014.**

## Selangor teruskan pelan catuan air

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor akan meneruskan pelan catuan air di negeri itu sehingga paras air di semua empangan kembali pulih pada kadar antara 65 hingga 70 peratus.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerajaan negeri pada mulanya menjangkakan penurunan hujan berlaku pada minggu lalu.

Bagaimanapun katanya, Jabatan Meteorologi menjangkakan bahawa penurunan hujan itu dijangka berlaku pada minggu pertama April nanti.

"Oleh sebab itu kita tidak akan mengubah keputusan dalam usaha catuan air sehingga penurunan hujan dan peratus takungan air di empangan-empangan melebihi 65 hingga 70 peratus," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco

Kerajaan Negeri di sini semalam.

Paras air di tujuh empangan di Selangor yang menyusut sehingga 40 peratus menyebabkan kerajaan negeri melaksanakan pelan catuan peringkat kedua dan ketiga di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya masing-masing dilaksanakan pada 27 Februari dan 10 Mac lepas.

Sementara itu, ditanya mengenai perkembangan proses pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi industri air di negeri itu, Abdul Khalid memberitahu, pihaknya akan menemui semula Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Maximus Ongkili hari ini bagi perbincangan peringkat akhir perjanjian pelaksanaan Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA).



# Pelan catuan diteruskan

Kerajaan negeri tak ubah keputusan sehingga paras empangan melebihi 70 peratus

■ SITI AISAH HABIRIN

**SHAH ALAM** - Kerajaan negeri tidak berganjak daripada meneruskan pelan catuan air berjadual di beberapa kawasan di negeri ini memandangkan keadaan paras air di empangan masih belum memuaskan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, **Jabatan Meteorologi** memaklumkan hujan akan berlaku dalam minggu pertama April ini.

"Sebelum ini, kita menjangkakan hujan minggu ini, tetapi Jabatan Meteorologi memaklumkan ia akan berlaku pada minggu pertama dalam April.

"Kita tidak akan mengubah keputusan dalam usaha pencatuan air sehingga musim hujan dan peratus takungan air di empangan melebihi 65 hingga 70 peratus," katanya ketika sidang media selepas Mesyuarat Exco, semalam.

Pelan pencatuan berjadual bermula 2 Mac hingga 31 Mac melibatkan lebih 3 juta pengguna di Lembah Klang meliputi tiga fasa

dilaksanakan secara catuan setiap dua hari.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Khalid menjelaskan, beliau akan bertemu dengan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili hari ini bagi memuktamadkan pelaksanaan Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006).

Menurutnya, pertemuan itu bagi membincangkan beberapa perkara termasuk percanggahan modus operandi antara kerajaan negeri dan pusat yang melibatkan tempoh masa dan beberapa perkara lain yang terkandung dalam akta tersebut.

"Kita mempunyai perbezaan modus operandi dalam pelaksanaan di mana kita perlu berbincang dan menyelesaikannya.

"Kementerian berkenaan melihat kepada pengambilalihan pengurusan aset daripada empat konsesi terlibat dalam tempoh masa ter-

**KRISIS AIR  
DI SELANGOR**



Rakyat diingatkan berjimat cermat menggunakan air kerana pelan catuan berjadual tetap diteruskan sehingga paras air di empangan di paras memuaskan.

tentu pelaksanaannya iaitu enam bulan atau beberapa tahun.

"Kerajaan negeri berpendapat, ia tidak perlu menunggu begitu lama dan kita akan berbincang secara profesional bagi menyelesaikan perkara ini dan mencari jalan yang mana lebih baik dan cepat bo-

leh dilakukan demi kepentingan rakyat," katanya.

Beliau berkata, pada pertemuan minggu lalu, kedua-dua pihak diminta menyediakan perjanjian dan cara pelaksanaan untuk dibincangkan pada pertemuan akan datang.



# Cyberbullying up by 55.6 per cent in a year

PETALING JAYA — The number of bullies who turn to the cyber world has increased by 55.6 per cent in just one year.

Malaysian Communication and Multimedia Commission (market regulation department) senior director, Laila Hassan, told *Malay Mail* that Internet users reported a lot of verbal abuse cases by haters in the cyber world.

“On almost all social media platforms, the majority of the complaints lodged to us were verbal abuse and hate speech,” Laila said.

It was reported that 389 cyberbullying reports were lodged by Internet users to Cyber999 Help Centre last year alone, as compared to 250 cases in 2012.

CyberSecurity Malaysia chief executive officer, Dr Amirudin Abdul Wahab, said the agency views cyberbullying seriously because it can cause more harm than other types of bullying.

“The bully can remain anonymous and continue to harass victims at leisure, from anywhere,” he said.

A study by CyberSecurity found that 13 per cent of 1,255 respondents admitted be-

ing victims of cyberbullying while 26 per cent or 2,509 confessed they had been bullied online.

“If you are the victim, stop all communication with the bully and take screen captures of the exchange between the bully and yourself,” Amirudin said.

“If you are below 18, seek assistance from adults, parents, teachers or guardians.”

Amirudin said communication with the victim and getting as much detail as possible is key, especially if a person is helping a victim of cyber-bullying.

“Victims can lodge reports to Cyber999 by sending an email to [cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my) with all evidence such as screenshots as evidence and they will be advised accordingly.”

Victims are usually advised to lodge reports to the relevant authorities, like the police or service providers like Facebook.

If a payment has been made through banks to fraudulent traders, the victim must report it to the respective bank as well.

“The best way to report is to use the ‘flag’ for abusive content through their online reporting channel.”



# Shedding some light on pollution

National Space Agency to reveal this  
and more during Earth Hour 2014 talk

By YASMIN RAMLAN  
metro@thestar.com.my



**L**IGHT pollution is defined as the excessive use of lights, a situation which is especially prevalent in urban areas.

This and other facts will be revealed in a talk organised by the **National Space Agency (Angkasa)** in conjunction with "Earth Hour 2014" on Saturday.

**Angkasa Science officer Jong Tze Kian** said the talk would highlight how bright lights contribute to light pollution.

Light pollution also hampers research activities of astronomers.

"Our research is disrupted as we need total darkness. Artificial light affects our studies and researchers are often forced to go to different locations to get better data.

"Urban areas are abound with tall buildings, spotlights as well as streetlights that contribute to light pollution.

"It is almost impossible to see the Milky Way with the naked eye in the city. However, in some areas, such as Mount Kinabalu, it is easily visible without the need for a telescope or special equipment," he said.

Jong highlighted the short and long-term effects of light pollution.

"Light pollution can cause depression, stress, sleep disorder and affect humans' physiological processes.

"For example, the pineal gland (a tiny endocrine gland situated in the centre of our brain) will secrete melatonin, which makes us sleepy.

"Melatonin levels will start to increase in the evening and will reach its maximum at midnight. When we sleep with the lights

**Light pollution can cause depression, stress, sleep disorder and affect humans' physiological processes.**

— JONG TZE KIAN

on, our body is unable to produce melatonin and our sleep will get disrupted," he added.

Excessive brightness can also cause visual discomfort and decrease visibility.

"Proper lighting will reduce the probability of accidents as well as increase safety and security at night. Whether at home, in the office or on the road, effective and efficient lighting is essential," he said.

In fact, said Jong, bright lights could attract criminals through the deep shadows created.

Jong also recommended the use of LED lights or compact fluorescent light that save energy.

"During Earth Hour 2014, we will turn off the light for an hour to create awareness about light pollution and global warming.

"We are not encouraging people to live in darkness. We still need light, but it should be the right kind, and used properly," he said.

Astronaut Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor will also be present and talk about his experiences in space.

The talk will be held at the National Planetarium Kuala Lumpur on March 29 at 8pm.

Admission is free. For details, call 03-2273 4303 or go to [www.angkasa.gov.my](http://www.angkasa.gov.my)